

24 OCT 2002

Hamid-Ekonomi

UMAT ISLAM PERLU PAMER KEMAMPUAN BERNIAGA DAN KUASAI EKONOMI

PUTRAJAYA, 24 Okt (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata umat Islam perlu menonjolkan keupayaan dalam bidang perniagaan dan menguasai pasaran ekonomi dunia.

Katanya, ekoran tiadanya kemajuan dalam bidang itu, ia telah menjadi sebab utama yang menghalang umat Islam bertindak dan bersuara apabila berlaku penindasan dan pencabulan ke atas hak-hak mereka.

"Ekonomi adalah elemen penting untuk membawa umat Islam jauh ke hadapan dan yang nyata umat Islam pada hari ini hanya mampu melihat kesengsaraan rakan seagamanya dan jika bersuarapun ia tidak diberi tumpuan yang serius," katanya di persidangan media mengenai Minggu Pembangunan Ekonomi Islam di sini, hari ini

Abdul Hamid berkata kelemahan yang ada pada umat Islam itu bukanlah berpunca daripada ajaran Islam dan al Quran tetapi kerana umat Islam tidak benar-benar mendalami Islam dan terlewat mengikut arus perubahan semasa.

"Jika diteliti di dalam al Quran ada menyatakan mengenai galakan supaya bersiap sedia dengan cabaran dan ia termasuklah ekonomi. Sudah sampainya untuk kita (umat Islam) mengorak langkah menonjolkan kemampuan kita dalam bidang ekonomi," katanya.

Sementara itu Minggu Pembangunan Ekonomi Islam (MPEI) yang akan berlangsung selama enam hari bermula Sabtu ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) memberi peluang kepada orang ramai menyaksikan pelbagai pameran dan jualan produk keluaran usahawan Islam.

Abdul Hamid berkata MPEI yang diadakan buat pertama kali itu bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau pameran dan pemasaran barangan negara-negara Islam.

Katanya, MPEI yang diadakan serentak dengan Tilawah Al Quran Peringkat Antarabangsa itu akan memberi peluang kepada usahawan Islam tempatan menonjolkan keupayaan mereka di samping usahawan dari negara lain seperti China dan Brunei.

MPEI dianjurkan oleh Majlis Pelan Tindakan Pembangunan Ummah (MPTPU) dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lebih 1.5 juta orang dijangka mengunjungi ekspo dan pameran itu manakala 76 buah gerai yang disediakan telah habis ditempah.

"Sambil berkunjung dan membeli barangan keluaran usahawan Islam orang ramai juga berpeluang memenangi hadiah berupa sebuah kereta nasional, sebuah motosikal jaguh, barang kemas dan sejumlah wang tunai sekiranya dipilih sebagai pengunjung bertuah," katanya.

-- BERNAMA

ZMN MFJ RHM